

Headline	MFO tingkat pendapatan petani, penternak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	76	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	421 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,537



MFO tingkat pendapatan petani, penternak

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]



Muhammad Pehimi (kanan) dan Pengarah FAMA, Mohd Zaimi A Razak (dua dari kanan) meninjau kegiatan peniaga pada lawatan Program Ramah Mesra Bersama Usahawan MFO di Chendering, semalam.

Kuala Terengganu: 'My Farm Outlet' (MFO) yang beroperasi sejak Ogos lalu di Kawasan Perindustrian Chendering di sini, membantu meningkatkan pendapatan penternak dan petani yang menyertainya sehingga RM200,000 setakat ini.

EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof, berkata 15 petani dan penternak yang menyertai MFO berpuas hati dengan peningkatan pendapatan itu.

Beliau berkata, kebanyakan peserta program itu juga berpuas hati dengan peningkatan hasil yang diperolehi iaitu sekitar RM500 sehari.

"MFO menawarkan tujuh komoditi utama iaitu ayam, ikan, daging, sayur, buah-buahan, barangan industri asas tani serta produk sejuk beku.

"Malah, semua produk diambil secara terus daripada ladang termasuklah ladang kontrak, persatuan nelayan dan pengusaha makanan.

"Lebih menguntungkan apabila 70 peratus daripada 15 peserta yang berniaga di sini menjual hasil pertanian dan ternakan mereka sendiri," katanya selepas lawatan ke Program Ramah Mesra Bersama Usahawan MFO di Chen-

dering, semalam.

Cadang buka lebih banyak MFO
MFO adalah satu inisiatif kerajaan melalui FAMA untuk membantu rakyat mendapatkan barang keperluan harian yang berkualiti dengan harga rendah.

Muhammad Pehimi berkata, melihat sambutan baik orang ramai terhadap MFO, kerajaan sedang membuat penilaian dan bercadang membuka lebih banyak MFO di seluruh daerah di negeri ini.

Beliau berkata, kerajaan berharap program baharu FAMA itu dapat membantu menangani masalah harga barangan runcit kepada pengguna, selain menyediakan kemudahan kepada peniaga dengan kos minimum.

"Selain menjual secara borong, belian secara runcit juga dijual dengan harga borong. Berbeza dengan pasar tani yang beroperasi hujung minggu, MFO beroperasi setiap hari kecuali Jumaat bermula jam 8 pagi hingga 7 petang," katanya.

Pehimi berkata, MFO Chendering adalah yang keenam di negara ini, selain Presint 7, Putrajaya; Manjung, Perak; Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kota Bharu, Kelantan; Simpang 4, Perlis dan Kuala Kedah, Kedah.